

Soalan 1 - 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sumbangan daripada ustaz itu _____ dapat meringankan beban penduduk yang terjejas akibat penularan virus Covid-19.
Klon 2019
 A seboleh-bolehnya
 B setidak-tidaknya
 C sebaik-baiknya
 D seelok-eloknya
2. Penceramah itu menyatakan bencana alam yang berlaku pada ketika ini berpunca _____ kerakusan manusia merosakkan sumber alam.
 A dari C pada
 B oleh D daripada

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Kamsani membantu nenek memasukkan selembur benang ke dalam lubang se_____ jarum.
 A laras C batang
 B bentuk D puntung
4. Mulut kami _____ menghafal doa yang diajar oleh Ustaz Kadir.
 A gopoh-gapah C riuh-rendah
 B kumat-kamit D sedu-sedan

Soalan 5 - 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Ayah membelikan ibu sutera batik dari Indonesia sebagai buah tangan.
 A B
 C
 D
6. Sampah sarap itu mereka buang ke dalam tong sampah yang terletak di hadapan rumah. Tiada kesalahan.
 A B C
 D

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Harga minyak di pasaran yang *jatuh* minggu lalu naik mendadak pada hari ini.
 II Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini *jatuh* pada hari minggu.
 III Zarif *jatuh* sakit selepas makan di warung itu.
 IV Danial mengutip buah durian yang *jatuh* di kebun Tok Aki.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja



8. I Muka jalan yang licin merupakan antara faktor kemalangan jalan raya.
 II Ayah menasihati kami supaya belajar dengan tekun untuk kesenangan pada hari muka.
 III Akibat terlalu diberi muka, budak itu bertambah nakal dan degil.
 IV Muka pengantin itu berseri-seri setelah disolek oleh mak andam.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Jiran-jiran di taman perumahan saya saling bantu-membantu setiap kali adanya sesuatu kenduri.
 A bantu-membantu tiap kali
 B saling membantu tiap-tiap kali
 C saling bantu-membantu tiap kali
 D saling bantu-membantu setiap kali
10. Seorang pegawai yang berpangkat tinggi di syarikat itu telah mendakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah.
 A didakwa di mahkamah atas
 B didakwa di mahkamah di atas
 C mendakwa di mahkamah di atas
 D mendakwa di mahkamah atas

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Setiap petang, Nek Ngah menghalau semua ayam peliharaannya masuk ke dalam reban.
 II Saya menunggu Kak Diana di stesen bas selama satu jam suku.

- III Tiga orang kanak-kanak berkejar-kejaran dengan riang di taman.
 IV Bersenam seminggu tiga kali memang baik diamatkan.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

12. I Mak Ani tekun menjahit baju kurung-baju kurung yang ditempah oleh para pelanggannya.
 II Hasnah terpaksa mengambil cuti kecemasan pada hari ini kerana ibunya dimasukkan ke hospital.
 III Pasukan keselamatan mencuba dengan sedaya upaya untuk menyelamatkan mangsa-mangsa kebakaran itu.
 IV Peserta-peserta larian itu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menamatkan larian demi mengejar gelaran juara.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih maksud peribahasa yang paling sesuai.

Menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri

13. Peribahasa di atas membawa maksud
 A melakukan sesuatu perkara hendaklah sentiasa berhati-hati.
 B seseorang yang suka mengata orang lain tetapi diri sendiri juga tidak betul.
 C seseorang akan menerima akibat daripada apa-apa yang dilakukan olehnya.
 D diri sendiri mendapat malu akibat menceritakan keburukan keluarga kepada orang lain.